



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 2 (22)

Tarikh : 17 Julai 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 6/2019

PROGRAM INTEGRASI SARJANA MUDA TAHAP 6 MQF DAN SARJANA TAHAP 7 MQF

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) sentiasa menyokong inovasi ke arah pendidikan fleksibel termasuk dari segi kesinambungan laluan pendidikan dan pembangunan kurikulum tersedia masa hadapan.

3. Justeru, MQA memperkenalkan konsep integrasi yang membolehkan **kursus teras** dalam program Sarjana Tahap 7 (Malaysian Qualifications Framework, MQF) ditawarkan sebagai **kursus elektif bebas** dalam program Sarjana Muda Tahap 6 MQF.

4. Konsep ini diyakini dapat memberi motivasi kepada pelajar Sarjana Muda untuk menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah dan seterusnya dapat meningkatkan enrolmen pelajar pascasiswazah tempatan dan antarabangsa dalam Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia.

5. Pembangunan dan pelaksanaan program integrasi ini diperincikan seperti dalam **Lampiran 1**.

6. Diharapkan agar konsep integrasi ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh PPT yang secara langsung akan menyumbang kepada pengayaan variasi pengendalian program pengajian dan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR

A. PEMBANGUNAN PROGRAM INTEGRASI SARJANA MUDA

BIL.	PERKARA	KETETAPAN
1.	<i>Body of Knowledge</i> (BoK) program Sarjana Muda	BoK hendaklah memenuhi keperluan bidang program Sarjana Muda yang berkaitan. Kursus-kursus teras program Sarjana Tahap 7 MQF boleh ditawarkan sebagai kursus elektif bebas pada tahun akhir program Sarjana Muda hanya setelah kesemua keperluan minimum BoK pada tahap Sarjana Muda dipenuhi oleh pelajar.
2.	Tempoh pengajian program Sarjana Muda	Tempoh pengajian adalah berdasarkan kesesuaian kredit bergraduasi program Sarjana Muda.
3.	Kelayakan masuk ke program Sarjana	Pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana hendaklah telah memperoleh kelayakan Sarjana Muda (memenuhi keperluan kredit bergraduasi).
4.	Mod penawaran program Sarjana	Mod yang dibenarkan untuk integrasi ialah Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja.
5.	Pindah kredit	Pindah kredit dibenarkan sebanyak 30% (<i>secara vertical</i>) daripada jumlah kredit bergraduasi program Sarjana yang akan diikuti.
6.	Kesinambungan kursus Projek bagi Sarjana Muda ke Sarjana	Kursus Projek bagi program Sarjana Muda boleh dilanjutkan semasa mengikuti program Sarjana berdasarkan kelulusan penyelia.

B. PELAKSANAAN PROGRAM INTEGRASI SARJANA MUDA

1. Pelaksanaan program integrasi Sarjana Muda tidak terhad dalam PPT yang sama. Sekiranya melibatkan PPT yang berbeza, perlu ada perjanjian tatacara pelaksanaan antara PPT.
2. Pelajar yang layak memohon untuk mengikuti program integrasi Sarjana Muda adalah pelajar yang berada pada tahun kedua program Sarjana Muda 3 Tahun atau tahun ketiga program Sarjana Muda 4 Tahun.
3. Permohonan pelajar perlu disokong oleh Ketua Program dan diluluskan oleh Ketua Jabatan berkenaan atau lain-lain mekanisma dalaman PPT yang bersesuaian.
4. Sekiranya diluluskan, pelajar boleh mengambil kursus-kursus teras program Sarjana yang ditawarkan sebagai kursus elektif bebas dalam program Sarjana Muda dan perlu lulus kursus tersebut dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B. Program Sarjana yang berkaitan perlu memiliki perakuan akreditasi penuh MQA.
5. Pelajar akan bergraduat untuk program Sarjana Muda setelah cukup bilangan kredit bergraduat termasuk kursus elektif bebas yang diikuti.
6. Pelajar perlu memenuhi syarat kelayakan masuk ke program Sarjana secara kerja kursus atau mod campuran yang akan diikuti.
7. Kursus-kursus teras program Sarjana yang telah diambil sebagai elektif bebas dalam program Sarjana Muda boleh dipertimbangkan pindah kredit secara *vertical*.
8. Maksimum pindah kredit adalah 30% daripada jumlah kredit bergraduat program Sarjana yang akan diikuti.
9. Staf akademik yang mengajar kursus elektif bebas dalam program Sarjana Muda mesti berkelayakan untuk mengajar program Sarjana Tahap 7 MQF.